

TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN DI MAJLIS MAKAN MALAM BERSEMPENA DENGAN MESYUARAT MAJLIS PERUMAHAN DAN PERKHIDMATAN PELAJAR UNIVERSITI-UNIVERSITI MALAYSIA (MAPUM) BIL. 2/2005 PADA 13 JUN 2005 BERTEMPAT DI HOTEL BRASMANA, KUALA PERLIS.

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN SELAMAT SEJAHTERA.

YANG BERBAHAGIA, DATO' PROF. MADYA DR. JAMALUDIN MOHAIADIN, TIMBALAN NAIB CANSELOR, HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA MERANGKAP Pengerusi MAPUM,

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN REKTOR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI RUSLI ABD. HAMID, Pendaftar KUKUM

YANG BERUSAHA TUAN HAJI AYOB ISMAIL, BENDAHARI KUKUM,

YANG BERUSAHA PUAN HAJAH FOYZIAH AHMAD NASURUDDIN, KETUA PUSTAKAWAN KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN KUKUM,

PENOLONG-PENOLONG Pendaftar SERTA,

PENGURUS-PENGURUS ASRAMA DARI SELURUH IPTA

DAN WARGA KUKUM SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH, SAYA PANJATKAN RASA KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBBHANAHU WA TAALA YANG TELAH MEMANJANGKAN USIA, MENGURNIAKAN KESEMPURNAAN AKAL, MENGANUGERAHKAN KESIHATAN JASAD, MEMBERIKAN KEUPAYAAN HINGGA MEMBOLEHKAN KITA SEMUA BERKUMPUL DAN BERTEMU DI MAJLIS MAKAN MALAM BERSEMPENA DENGAN MESYUARAT MAJLIS PERUMAHAN DAN PERKHIDMATAN PELAJAR UNIVERSITI-UNIVERSITI MALAYSIA (MAPUM) BILANGAN 2/2005 INI.

TERLEBIH DAHULU, SAYA BAGI PIHAK KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) DENGAN PENUH SUKACITA INGIN MENGALU-ALUKAN KEDATANGAN PARA DELEGASI MAPUM DARI SELURUH INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) MALAYSIA KE UNIVERSITI INI KHUSUSNYA DAN KE NEGERI PERLIS INDERA KAYANGAN, YANG PERMAI LAGI MEMPERSONA INI AMNYA.

MARI DI BANTUN DENGAN PARANG,
BERANGAN BESAR DI DALAM PADI,
SELAMAT DATANG SAYA ALU-ALUKAN,
KECIL TAPAK TANGAN, NYIRU KUKUM TADAHKAN.

DI KESEMPATAN INI, SAYA JUGA INGIN MENITIPKAN UCAP SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA PROGRAM DI ATAS KESUNGGUHAN USAHA DAN DAYA MENGUNTUM IDEA, MENYUSUN RENCANA DAN MENGATUR KERJA DALAM MEMASTIKAN KELANCARAN MESYUARAT DAN MAJLIS MAKAN MALAM INI BERLANGSUNG DALAM SUASANA PENUH ADAB, SUSILA SERTA JAYANYA.

SECARA IKHLAS DAN JUJUR, SAYA INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA SEKRETARIAT TIMBALAN-TIMBALAN NAIB CANSOLOR/TIMBALAN REKTOR HAL EHWAL PELAJAR KERANA TELAH MEMBERIKAN RUANG DAN PELUANG SERTA MENARUH KEPERCAYAAN KEPADA KUKUM UNTUK MENJADI TUAN RUMAH BAGI MESYUARAT MAJLIS PERUMAHAN DAN PERKHIDMATAN PELAJAR UNIVERSITI-UNIVERSITI MALAYSIA (MAPUM) BILANGAN 2/2005 INI.

KEPERCAYAAN YANG TELAH DIBERIKAN INI AMAT BESAR ERTINYA BUAT KUKUM HATTA WALAUPUN MASIH BARU DI GELANGGANG PERMURNIAN ILMU DI NEGARA INI. KUKUM BERASA AMAT BANGGA KERANA PADA 21 APRIL 2005 LALU, KUKUM JUGA TELAH DIBERI KEPERCAYAAN UNTUK MENJADI TUAN RUMAH BAGI MESYUARAT TIMBALAN-TIMBALAN KOMANDAN PALAPES IPTA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

MAPUM YANG TELAH DITUBUHKAN MELALUI MESYUARAT TIMBALAN-TIMBALAN NAIB CANSOLOR/TIMBALAN REKTOR IPTA KE-123 PADA 17 JULAI 1993, BERTANGGUNGJAWAB DALAM MEMPERKASA PERANAN HAL EHWAL PENGINAPAN DAN PERKHIDMATAN PELAJAR SELARI DENGAN PERKEMBANGAN DAN CABARAN MASAKINI DALAM PENDIDIKAN TINGGI DAN MENDUKUNG ASPIRASI HAL EHWAL PELAJAR SELARAS DENGAN MISI DAN VISI UNIVERSITI.

SEBAGAI BADAN RUJUKAN UNTUK MENENTUKAN PENANDA ARAS DAN SUMBER RUJUKAN IPT DALAM EHWAL PENGINAPAN DAN PERKHIDMATAN PELAJAR, MAPUM HARUS SENTIASA BERGERAK SEIRING DENGAN PERKEMBANGAN DAN TUNTUTAN SEMASA YANG SEMAKIN MENCABAR

DAN MENDESAK KEUPAYAAN KITA SEBAGAI PIHAK YANG BERTANGGUNG JAWAB DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN PERUMAHAN YANG LEBIH KONDUSIF DAN SELESA KEPADA PARA MAHASISWA-MAHASISWI KITA.

JUSTERU ITU, SAYA INGIN MENCADANGKAN AGAR MAPUM DAPAT MEMBUAT KAJI SELIDIK SECARA BERTERUSAN DI IPTA MASING-MASING DALAM MENILAI SEMULA PERKHIDMATAN, KEBAJIKAN SERTA AKTIVITI YANG TELAH DIJALANKAN DI KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN ATAU DESASISWA MASING-MASING.

PROSES PENAMBAHBAIKAN INI AMAT PERLU KERANA PENGURUSAN ASRAMA ATAU JABATAN HAL EHWAL PELAJAR ADALAH JABATAN YANG SENTIASA BERHUBUNG DAN BERKOMUNIKASI SECARA LANGSUNG DAN TERUS DENGAN PARA MAHASISWA-MAHASISWI. SEGALA KOMEN MAHUPUN CADANGAN MEREKA HARUS DIPERTIMBANGKAN DENGAN SEWAJARNYA.

PELBAGAI KAEDAH DAPAT DIWUJUDKAN BAGI MEREALISASIKAN PROSES PENAMBAHBAIKAN INI. ANTARA LAIN SEPERTI MENGADAKAN SESI DIALOG DENGAN PARA PELAJAR DI KOLEJ KEDIAMAN, MENINJAU PENDAPAT PELAJAR MELALUI BORANG KAJI SELIDIK, MEWUJUDKAN PETI CADANGAN ATAU BILIK 'NEUTRAL' DI KOLEJ MASING-MASING BAGI MENDENGAR PERMASALAHAN YANG SERING DIHADAPI OLEH PARA MAHASISWA-MAHASISWI INI.

SAYA JUGA AMAT BERHARAP MAPUM MAMPU MENJADI PLATFORM YANG BERKESAN DALAM PROSES PERKONGSIAN MAKLUMAT DI KALANGAN ANGGOTA-ANGGOTANYA. INGATLAH KATA YANG BIJAK PANDAI, BERSATU KITA TEGUH, BERCERAI KITA ROBOH. SEGALA MASALAH YANG BERKAIT RAPAT DENGAN MASALAH PERUMAHAN ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN KEPADA PARA MAHASISWA-MAHASISWI HARUS CEPAT-

CEPAT DITANGANI KERANA IMEJ IPTA AMAT 'FRAGILE' KEPADA MASYARAKAT AWAM.

MANA-MANA UNIVERSITI ATAU KOLEJ UNIVERSITI YANG MEMPUNYAI MASALAH DAN GAGAL MENCARI JALAN PENYELESAIAN BILA BERHADAPAN DENGAN SITUASI YANG SEDIKIT RUMIT, HARUS CEPAT-CEPAT MERUJUK KEPADA RAKAN-RAKAN DI IPTA LAIN.

SEBAGAI CONTOHNYA, KOLEJ UNIVERSITI YANG MASIH BARU MENGATUR LANGKAH, SUDAH PASTI PENGALAMAN MEREKA MASIH BARU DALAM SOAL PENTADBIRAN KOLEJ KEDIAMAN ATAU DESASISWA. TIDAK SALAH DAN JANGAN MALU BERTANYA KEPADA RAKAN-RAKAN DI IPTA YANG TERLEBIH DAHULU BERTAPAK KERANA ILMU SERTA PENGALAMAN MEREKA AMAT BERHARGA DALAM MEMBANTU MENGATASI MASALAH YANG SEDANG AKAN AKAN DIHADAPI KELAK.

DALAM ARUS GLOBALISASI DAN DUNIA TANPA SEMPADAN YANG SEMAKIN KUAT MENGHAKIS NILAI-NILAI MURNI GENERASI MUDA DI NEGARA INI, PIHAK KOLEJ KEDIAMAN JUGA HARUS PRIHATIN DAN BERTANGGUNG JAWAB DALAM MEMIKIRKAN LANGKAH-LANGKAH YANG BOLEH DIAMBIL BAGI MENGATASINYA SEBELUM IA MENULAR MASUK KE DALAM DIRI PELAJAR-PELAJAR KITA.

PIHAK PENGURUSAN ASRAMA HARUS MEMIKIRKAN BENTUK AKTIVITI YANG MAMPU MENJADIKAN KEPERIBADIAN PARA MAHASISWA-MAHASISWI KITA MURNI DAN MULIA. SELAIN DARIPADA ITU, SOAL INTEGRASI NASIONAL DAN NASIONALISME JUGA HARUS DIBERIKAN PERHATIAN YANG SEWAJARNYA.

KITA TIDAK MAHU SETIAP MAHASISWA-MAHASISWI UNIVERSITI TIDAK KIRA MELAYU, INDIA ATAU CINA DAN SEBAGAINYA HANYA HIDUP

DALAM KEPOMPONG ETNIK MASING-MASING SAHAJA. UNIVERSITI ADALAH MEDAN TERAKHIR BUAT MAHASISWA-MAHASISWI INI SEMUA UNTUK SALING KENAL MENGENALI AGAMA, ADAT RESAM DAN KEBUDAYAAN MASING-MASING SEBELUM BERGRADUAN DAN MEMASUKI ALAM PEKERJAAN KELAK.

SOAL PERPADUAN KAUM MERUPAKAN AGENDA TERPENTING NEGARA DALAM MENJADIKAN RAKYAT DI NEGARA INI HIDUP DALAM SUASANA PENUH HARMONIS DAN SALING BERTOLAK ANSUR SERTA HORMAT-MENGHORMATI ANTARA SATU SAMA LAIN. ADALAH MENJADI TUGAS SERTA TANGGUNG JAWAB KITA SEMUA SEBAGAI PEMIMPIN DI UNIVERSITI UNTUK MEMASTIKAN KEHARMONIAN ANTARA KAUM INI BERJAYA DIPUPUK DENGAN PENUH IDEAL.

SEPERKARA LAGI YANG INGIN SAYA SENTUH IALAH TENTANG KONSEP HIDUP BERMASYARAKAT DI KALANGAN PARA MAHASISWA-MAHASISWI KIYA YANG DILIHAT SEMAKIN TERHAKIS. TIAP KALI DIADAKAN AKTIVITI DI PERINGKAT KOLEJ KEDIAMAN, RAMAI YANG TIDAK HADIR DENGAN MEMBERI PELBAGAI MACAM ALASAN.

MAPUM HARUS MEMIKIRKAN PERKARA INI DENGAN SERIUS KERANA KITA TIDAK MAHU MAHASISWA-MAHASISWI KITA BERSIKAP INDIVIDUALISTIK. JIKA TIDAK DIDEDAHKAN SEDARI AWAL DI UNIVERSITI, CUBA BAYANGKAN APAKAH JENIS KARAKTER MAHASISWA-MAHASISWI YANG AKAN DIHASILKAN KELAK. TEPUK DADA, TANYA LAH SELERA MASING-MASING.

APA YANG PASTI, MASYARAKAT AWAM AKAN MENUDING JARI KEPADA PIHAK PENGURUSAN UNIVERSITI KERANA GAGAL MEMBENTUK KEPERIBADIAN YANG MULIA DI KALANGAN MAHASISWA-MAHASISWI KITA. UNTUK ITU, SUDAH TIBA MASANYA MAPUM MEMIKIRKAN KAEDAH

ATAU LANGKAH YANG BERKESAN BAGI MEMBENTUK SIKAP SUKA KEPADA KONSEP HIDUP BERMASYARAKAT DI KALANGAN MAHASISWA-MAHASISWI INI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN, SAYA SELAKU WAKIL TUAN RUMAH KEPADA MESYUARAT MAJLIS PERUMAHAN DAN PERKHIDMATAN PELAJAR UNIVERSITI-UNIVERSITI MALAYSIA (MAPUM) BILANGAN 2/2005 INI, INGIN MENYUSUN SEPULUH JARI MEMOHON MAAF ANDAI TERDAPAT SEBARANG KEKURANGAN SEPANJANG MESYUARAT INI BERLANGSUNG. SEBARANG KOMEN YANG MEMBINA AMAT DIALUK-ALUKAN BAGI PROSES PENAMBAHBAIKAN KAMI SEBAGAI PENGANJUR DI MASA-MASA AKAN DATANG.

UCAPAN JUTAAN TERIMA KASIH JUGA DIUCAPKAN KEPADA SELURUH DELEGASI MAPUM DI ATAS KESUDIAN UNTUK HADIR BERMESYUARAT DI KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) DI KANGAR, PERLIS, INDERA KAYANGAN INI.

BINTANG BARAT TERBIT PETANG,
BINTANG TIMUR TERBIT PAGI,
JIKA TIDAK MELARAT PANJANG,
ADA UMUR BERTEMU LAGI.

SAYA SUDAHI DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH TAALA WABARAKATUH.

